Keseronokan bermain genderang dan muzik yang disampaikan Nadi Singapura dalam setiap persembahan harus ditonton. Persembahan harmoni alat tradisional Melayu, antaranya, seperti rebana, jidur, marwas dan talempong tetap menjadi tarikan dalam persembahan kreatif mereka. Jangan terlepas menonton Rasa Cinta, diilhamkan daripada adat dan tradisi yang diamalkan masyarakat Melayu di Singapura dan Nusantara, dicipta oleh Nadi Singapura.

(15minit, tiada waktu rehat)

### **Tentang Nadi Singapura**

Ditubuhkan pada November 2011, kumpulan Nadi Singapura terdiri daripada para pemuzik muda dan beraspirasi yang mahu mempertingkatkan muzik dram dan genderang tradisional Melayu. Nadi yang membawa maksud denyutan atau aliran kesedaran dalam bahasa Melayu, memaparkan dram Melayu yang paling banyak didapati di Singapura seperti kompong, rebana, jidur dan gendang dalam persembahan mereka.

Kumpulan ini dipimpin oleh dua individu bertauliah dalam bidang seni Melayu Singapura, seniman rebana Yaziz Hassan dan pemain genderang dan dram, Riduan Zalani. Kedua pengasas bermatlamat menempatkan Nadi Singapura sebagai kumpulan dinamik yang mengamalkan pendekatan inovatif dalam penggunaan dram Kepulauan Melayu.

**Lebaran Tales**  
**oleh Sri Warisan Som Said Performing Arts Ltd**  
18 Mei 2023, Khamis  
7mlm, 8.15mlm & 9.30mlm  
Teater Luar Esplanade



Lebaran Tales adalah persembahan tarian dan muzik berwarna-warni oleh syarikat seni persembahan setempat, Sri Warisan, yang menghidupkan semula semangat Ramadan dan Lebaran dari zaman nenek moyang. Selain semangat Ramadan bersama pelbagai amalannya menghala Lebaran seperti malam tujuh likur, yang bermaksud 10 hari terakhir Ramadan. Sri Warisan akan memaparkan persembahan, gelagat dan suasana perayaan di kampung serta tradisi yang dilakukan oleh orang Melayu seperti salam, pakaian tradisional dan banyak lagi. Pertunjukan ini juga akan diselitkan dengan penceritaan dan lakonan semula yang pasti akan membawa anda kembali pada hari-hari masa lampau semasa di kampung.

(45minit, tiada waktu rehat)

### **Tentang Sri Warisan**

Sri Warisan adalah syarikat seni persembahan yang diasaskan oleh penerima Pingat Budaya, Cik Som Said. Sri Warisan, ditubuhkan pada 1997, adalah salah satu penggerak seni penting dalam suasana tarian Melayu Singapura. Menggabungkan teknik kontemporari bersama gaya tari tradisional yang kaya merupakan kekuatan Sri Warisan. Para penarinya dilatih untuk tampil cemerlang dalam aneka jenis seni multi-disiplinari seperti tarian, muzik, teater dan multimedia.

**Panggung**  
**oleh Syafiq Halid & Kicau-Bilau (Singapura & Malaysia)**  
18 Mei 2023, Khamis  
7.30mlm, 8.30mlm & 9.30mlm  
Ruang Legar Esplanade



Panggung adalah satu gabungan lintas tambak antara Syafiq Halid dari Singapura dan Kicau-Bilau dari Malaysia yang mencabar sempadan bentuk seni tradisional dan landskap sonik dunia Melayu.

Eksperimentasi dengan bunyi dan multimedia ini diilhamkan daripada frekuensi unik dalam alat muzik Melayu yang dibongkar dan ukiran kayu rumit dalam rumah-rumah Melayu. Pameran visual audio-reaktif, improvisasi dan muzik yang sentiasa berbeza dan beransur ubah melengkapkan karya ini. Penonton akan diundang untuk melangkah ke dunia ini dan membayangkan sebuah panggung, iaitu pentas, bayangan mereka.

(30minit, tiada waktu rehat)

#### **Tentang Syafiq Halid**

Syafiq Halid adalah seorang pereka bunyi, seniman elektronik dan pemain genderang yang bertapak di Singapura. Sebagai seorang pereka bunyi, beliau seronok menerokai dan bereksperimen dengan bunyi dalam pelbagai bentuk. Beliau mendapat tahu tentang sofwe Ableton Live pada 2012 dan menerapkan ia dalam pelbagai penerbitan persembahan tarian dan teater.

#### **Tentang Kicau-Bilau**

Pasangan duo seni bunyi yang bertapak di Malaysia yang bermain muzik instrumental dan ambien menggunakan angklung dan gitar. Ditubuhkan pada 2017, Kicau-Bilau didorong oleh gabungan bersama individu kreatif lain dari pelbagai jenis seni. Nama mereka bermain dengan perkataan yang berlawanan dengan perkataan berganda kacau-bilau yang mempunyai maksud sama dengan *helter-skelter* atau *topsy turvy* dalam bahasa Inggeris. Kicau-Bilau membawa maksud ‘tidak aman’.

**Lantun Orchestra (Indonesia)**  
19 Mei 2023, Jumaat

7mlm, 8.15mlm & 9.30mlm  
Teater Luar Esplanade



Lantun Orchestra mempersembahkan satu pertunjukan muzik yang diinspirasi daripada perpaduan atau percampuran budaya di Jakarta, mengadunkan elemen muzik tradisional Indonesia dengan jaz, yang sering kali dirujuk sebagai *jaz ondel-onde*, *jaz kerongcong* atau *jaz Betawi*. Memberi penghormatan pada pelbagai budaya dan suku asli di Jakarta menerusi muzik dan pakaian, mereka juga akan mempergayakan pakaian yang mencerminkan dinamik kehidupan di kota besar.

Penonton boleh menantikan dendangan lagu-lagu Jakarta tradisional yang dipersembahkan dalam medley seperti *Lenggang Kangkung*, *Keroncong Kemayoran*, *Surilang* and *Kicir Kicir*. Mereka juga akan mempersembahkan lagu-lagu asli mereka daripada album 2017, *Lantun Orchestra Collection*, serta bahan yang tidak pernah dikeluarkan daripada album akan datang mereka yang pertama kali ditayangkan di Singapura.


(45minit, tiada waktu rehat)

### **Tentang Lantun Orchestra**

Lantun Orchestra ditubuhkan pada 2014 oleh pemain bes, pengubah dan penyusun lagu, Chaka Priambudi. Mereka telah mengeluarkan dua album dan tampil di pelbagai pentas antarabangsa seperti Minggu Muzik Seoul dan Muzium Nasional Korea.

**Untuk Kau  
oleh FLQ**

19 Mei 2023, Jumaat  
7.30mlm, 8.30mlm & 9.30mlm  
Ruang Legar Esplanade



Dram dimainkan terus dengan irama genderang dan pop yang menggoda, dicipta untuk setiap senarai parti di rumah. Dengarkan gabungan muzik yang dikumpulkan untuk mengiringi dan menyempurnakan saat-saat kehidupan pahit manis - daripada pertemuan, perpisahan, kebingungan dan serangan panik. Lagu-lagu daripada album terbarunya yang baru dikeluarkan, *Untuk Kau*, akan dipersembahkan, menyampaikan tema-tema sayu ketika berputus cinta. Penafian, kemarahan, tawar-menawar, kemurungan dan penerimaan adalah antara nota-nota kompleks dan bersemangat dalam muziknya.

(30minit, tiada waktu rehat)

**Tentang FLQ**

FLQ aka Faliq, adalah seorang seniman pop synth dalam bilik dan penerbit dari Malaysia. Keluaran debut FLQ, Untuk Kau, adalah album yang diterbitnya sendiri dengan gabungan bersama pelbagai bakat setempat. Album tersebut memaparkan bunyi dan stail dengan pengaruh daripada pop bandar dan pop nostalgia tahun 1980-an. Kandungan utama album adalah sambungan daripada karya-karya Faliq yang beliau terbit sendiri tetapi dengan suara berlainan.

Album ini awalnya mula pra-penerbitan semasa tempoh penutupan dan penyekatan pandemik. Terpencil daripada dunia, Faliq menemui suara baru apabila beliau melakukan projek terbarunya.

Mengambil inspirasi daripada pop bandar dari Indonesia dan Jepun pada tahun 1980-an, FLQ mencipta bunyi sendiri menerusi tujuh trak asli yang beliau gubah dan terbit, memaparkan generasi pemuzik berbakat yang beliau gabung bersama seperti Hullera, Dian, Acap LOKO, Pi'e Ramayan, EJ Safari, dan Lola.

## **A Mesra-merising Night with Shazza & Friends**

20 Mei 2023, Sabtu

7.30mlm, 8.30mlm & 9.30mlm

Ruang Legar Esplanade



Bersedia untuk berhibur dengan lagu-lagu Melayu bersama Shazza dan teman-temannya! Sertai tetamu istimewa, Umar Sirhan, Tiara Maimun dan RHAUN, seorang penyanyi dan penulis lagu yang akan mendendangkan penonton dengan lagu-lagu ikonik oleh seniman lagenda seperti P Ramlee, Siti Nurhaliza dan Afgan, berserta beberapa hit asli Shazza tersendiri.

(30minit, tiada waktu rehat)

### **Tentang Shazza**

Shareefa Aminah, lebih dikenali sebagai Shazza, mula menulis lagu-lagu sejak usianya 11 tahun dan belum berhenti menulis. Penyanyi tersebut mengeluarkan hit single pertamanya, *Pity Party*, pada awal tahun lalu dan telah dapat sambutan menggalakkan, dan kini telah menghasilkan tiga single lain yang mendapat sambutan baik.

Beliau juga telah menghasilkan lagu baru dan segar, *Build A Home*, pada lewat Februari lalu.

**JUARA MIC JUNIOR di Pesta Raya!**  
**oleh Bintang-Bintang JMJ**  
20 & 21 May 2023, Sabtu & Ahad  
3ptg & 4.15ptg  
Teater Luar Esplanade



Enam belas peserta junior dari pertandingan nyanyian Mediacorp, *Juara Mic Junior*, dari musim kedua dan finalis dari musim pertama akan membawa anda melayari perjalanan mereka dalam mencari pengalaman, merealisasikan impian mereka dan melestarikan bahasa dan budaya Melayu menerusi muzik mereka.

*Juara Mic Junior* di Pesta Raya akan disampaikan oleh pengacara musim pertama, Farhana M Noor, dan pengacara musim kedua, Nik Aqimi.

Memaparkan persabahanan dan kerjasama yang terjalin semasa pertandingan mereka, pertunjukan ini juga memaparkan permainan dan kuiz interaktif bersama penonton.

(45minit, tiada waktu rehat)

#### **Tentang Farhana M Noor**

Farhana M Noor merupakan pelakon yang pernah memenangi anugerah dan pengacara televisyen versatil yang dikenali dengan kes spontan dan keupayaannya untuk memikat penonton pelbagai usia.

#### **Tentang Nik Aqimi**

Nik Aqimi adalah bakat muda yang pernah memenangi anugerah yang telah menunjukkan potensinya dalam bidang lakonan dan juga sebagai pengacara. Nik mempunyai sifat humor yang baik dan dapat bermesra dengan para penonton.

## **ROCK Latew! – Penceritaan Kanak-kanak**

**oleh Kelana Purba**

20 & 21 Mei 2023, Sabtu & Ahad

2.30ptg & 3.45ptg

Ruang Legar Esplanade



Lan Trouble, seorang penyanyi rock yang sompong, jatuh gagal ketika beliau hendak menggubah lagu baru. Perjalanan ini membawanya ke asal usulnya, di mana beliau berjumpa dengan bapanya, pemuzik OG, Osman Gebu. Bapanya mengajar Lan Trouble erti hormat, berfikiran terbuka, keberanian dan kebaikan, menyampaikan kebijaksanaan dan nasihat menerusi lagu-lagu rakyat Melayu dan lagu-lagu nurseri kanak-kanak serta unsur-unsur dikir barat. Sesi bercerita pelbagai seni ini menerokai aneka jenis genre muzik seperti rock, reggae, pop dan Melayu asli menerusi muzik, humor dan interaksi menyeronokkan.

(30minit, tiada waktu rehat)

### **Tentang Kelana Purba**

Kelana Purba adalah sebuah kumpulan yang terkenal di dalam arena dikir barat Singapura. Ditubuhkan pada 1990, kumpulan tersebut adalah salah satu kumpulan popular dan telah memenangi pertandingan dikir barat peringkat nasional, Mega Perdana, sebanyak tujuh kali. Kini, dengan 80 anggota aktif yang terdiri daripada yang lebih berpengalaman ke beliau pelbagai usia, kumpulan ini sedia membuat persembahan yang menghiburkan lagi bertenaga.

**Balada Bayangan Di Latar Langgit**  
**oleh Akid Amir, Syed Ahmad, FLQ (Malaysia)**  
20 Mei 2023, Sabtu  
7mlm, 8.15mlm & 9.30mlm  
Teater Luar Esplanade



Satu gabungan antara penyanyi Akid Amir, Syed Ahmad dan seniman pop bandar dari Malaysia, FLQ, mereka akan mendendangkan penonton dengan alunan kehidupan bandar dan cinta dalam sintesis sonik pop bandar, R&B, hip hop, indie dan jiwa Melayu.

Nikmati rasa romantis daripada era zaman lalu dengan gelombang psikedelik dan irama menyenangkan, mengimbas kenangan lama yang tidak boleh dilupakan seperti surat yang sudah koyak dan gambar-gambar filem yang sudah pudar.

Turut memaparkan Sappy Chill dan kawan-kawan.

(45minit, tiada waktu rehat)

#### **FLQ**

FLQ aka Faliq, adalah seorang seniman pop synth dalam bilik dan penerbit dari Malaysia. Keluaran debut FLQ, Untuk Kau, adalah album yang diterbitkan sendiri dengan gabungan bersama pelbagai bakat setempat. Album tersebut memaparkan bunyi dan stail dengan pengaruh daripada pop bandar dan pop nostalgia tahun 1980-an. Kandungan utama album adalah sambungan daripada karya-karya Faliq yang beliau terbit sendiri tetapi dengan suara berlainan. Album ini awalnya mula pra-penerbitan semasa tempoh penutupan dan penyekatan pandemik. Terpencil daripada dunia, Faliq menemui suara baru apabila beliau melakukan projek terbarunya.

Mengambil inspirasi daripada pop bandar dari Indonesia dan Jepun pada tahun 1980-an, FLQ mencipta bunyi sendiri menerusi tujuh trak asli yang beliau gubah dan terbit sendiri, memaparkan generasi pemuzik berbakat yang beliau gabung bersama seperti Hullera, Dian, Acap LOKO, Pi'e Ramayan, EJ Safari, and Lola.

LQ merupakan artis bersama label rakaman berdikari milik penyanyi Yuna, Yuna Room Records. Single pertama FLQ, *Menari Dalam Memori* memaparkan Acap LOKO dan Dian, telah dihasilkan pada Disember 2022, dan album debut beliau dihasilkan pada Mac 2023.

### **Sappy Chill**

Terdiri daripada empat anggota, Sappy Chill telah membuat persembahan secara individu dalam band dan kolektif lain selama bertahun-tahun. Kini, sebagai satu unit, mereka sentiasa mencari jalan baru untuk menggembirakan pendengar mereka dengan irama sayu tetapi dengan sentuhan komedi.

### **Syed Ahmad**

Syed Ahmad telah menerajui Bloco Singapura selama melebihi sedekad, menumpukan pada perkongsian minat dan pengetahuannya tentang rentak Brazil dan Carnaval. Pengetahuannya tentang budaya dan etnomusikologi Brazil telah membawa Syed Ahmad ke pelbagai acara-acara muzik terkemuka termasuk Carnival! Marina Barrage dan Festival Muzik Sonic Spree. Bloco Singapura juga telah membuat persembahan di pelbagai festival muzik dan acara-acara samba di Singapura dan antarabangsa.

Selain karyanya dalam muzik Brazil, Syed Ahmad juga adalah seorang penerbit studio, pengarah artistik dan muzik, pengubah lagu dan koreografer. Sebagai pemuzik setempat yang berpengalaman, Syed Ahmad adalah separuh daripada lagenda indie Singapura, The Stoned Revivals, pemain dram untuk kumpulan Tiramisu, dan ketua label baru Nuri Records, menghasilkan gabungan muzik dan artis eklektik Singapuran yang bertapak di ruang NovoStudio.

**Bangsawan Bispuraja**  
oleh Anggerik Temasek Bangsawan  
21 Mei 2023, Ahad  
7.30mlm & 8.30mlm  
Ruang Legar Esplanade



Dengarkan kisah klasik *Bangsawan Bispuraja* yang asalnya ditulis oleh allahyarham Haji Hamid bin Ahmad, dikenali sebagai bapa bangsawan Singapura, dipersembahkan dalam format tradisional. Persembahan ini memaparkan lenggok bangsawan Singapura, iaitu ekspresi vokal yang unik pada gaya bangsawan setempat, berbanding amalan bangsawan lain di wilayah Nusantara.

Ia bakal dipersembahkan oleh tiga generasi seniman bangsawan setempat - yang veteran, golongan belia dan kanak-kanak *Anggerik Temasek Bangsawan* - mengembalikan bangsawan sebagai pengalaman teater opera klasik Melayu buat setiap lapisan masyarakat. Saksikan segmen *extra turn* yang mengetengahkan bintang moden hari ini, juga dikenali sebagai seri panggung, Tanty Yushida, yang bakal membawakan medley lagu-lagu klasikal tersohor, dengan rendisinya yang semarak rancak.

(30minit, tiada waktu rehat)

## **Sri Setia x Kicau Bilau (Singapura & Malaysia)**

20 & 21 Mei 2023, Sabtu & Ahad

8mml & 9mml

Taman Perkarangan Esplanade



Selama dalam adunan wayang kulit tradisional dan bunyian ambien moden dalam projek gabungan pertama kumpulan Sri Setia Pulau Singa dan Kicau-Bilau. Kumpulan wayang kulit tradisional Melayu Singapura, Sri Setia Pulau Singa, dan pasangan seniman bunyi ambien dari Malaysia, Kicau-Bilau, akan mempersembahkan kisah wayang kulit asasi dengan muzik moden. Mereka akan bergabung berdasarkan kisah Sirat Maharaja buka negeri. Ia mengisahkan seorang Raja yang sedang mencari sebuah negara. Sepanjang perjalanan, mereka melalui pelbagai rintangan dan menemui seorang permaisuri misteri. Siapakah permaisuri misteri ini?

(30minit, tiada waktu rehat)

### **Tentang Sri Setia Pulau Singa**

Singa Sri Setia Pulau Singa, sebuah kumpulan wayang kulit yang diberi nama oleh Pak Soh, telah ditubuhkan pada 26 Mac 2012. Berlatar belakangkan seni dikir barat, anggota Seri Setia Pulau Singa memupuk minat mendalam terhadap satu lagi seni tradisional Kelantan iaitu wayang kulit. Sri Setia Pulau Singa menjalani latihan di bawah bimbingan Pak Soh dan bermatlamat memaparkan seni wayang kulit Kelantan kepada peminat seni kebudayaan di Singapura.

### **Tentang Kicau-Bilau**

Pasangan duo seni bunyian yang bertapak di Malaysia yang bermain muzik instrumental dan ambien menggunakan angklung dan gitar. Ditubuhkan pada 2017, Kicau-Bilau terdorong untuk bergabung bersama individu kreatif lain dari pelbagai jenis bentuk seni. Nama mereka bermain dengan perkataan yang berlawanan dengan perkataan berganda kacau-bilau yang mempunyai maksud sama dengan *helter-skelter* atau *topsy turvy* dalam bahasa Inggeris. Kicau-Bilau membawa maksud ‘tidak aman’.

**Nostalgia Dikir Nusantara**  
**oleh Sri Teruna Jaya & Genbano**  
21 Mei 2023, Ahad  
7mlm, 8.15mlm & 9.30mlm  
Teater Luar Esplanade



Sri Teruna Jaya akan mempersembahkan lagu-lagu dikir barat malar segar yang pernah dinyanyikan oleh tukang karut lagenda iaitu penyanyi utama dan tok juara iaitu ketua kumpulan daripada kumpulan ikonik tersebut pada era 80-an dan awal 90-an. Penampilan istimewa, Genbano, akan menyemarakkan lagi persembahan dengan nyanyian koral mereka dan ensembele muzik. Penonton boleh menantikan alunan lagu-lagu dikir barat klasik seperti *Salawati*, *Awang Temberang*, *Ala Payong* dan *Aidlifitri Terkenang*.

(45minit, tiada waktu rehat)

#### **Tentang Sri Teruna Jaya & Genbano**

Sri Teruna Jaya diitubuhkan pada awal 1980-an adalah kumpulan ikonik dikir barat yang popular pada era 80-an dan awal 90-an. Kumpulan dikir barat berbakat ini telah memenangi beberapa pertandingan peringkat kebangsaan dan menjadi kumpulan pertama di Singapura untuk merakamkan album bernama Dikir Nusantara, bersama Alang Ikan Duyung.

Genbano adalah sekumpulan pemuzik tradisional yang memainkan muzik traditional Kepulauan Melayu Utara dan aktif dalam persembahan dikir barat dan ensembele genderang etnik Melayu.

## **Awang Batil of Perlis**

**oleh Pak Romli Mahamud, PUSAKA (Malaysia)**

19 – 21 Mei 2023, Jumaat – Ahad

7.45mlm

Luar Teater Dermaga Singtel di Esplanade



*Awang Batil* adalah seni penceritaan muzikal tradisional yang berasal dari negeri Perlis di Malaysia.

Persembahan ini terdiri daripada seorang penglipur, yang dikenali sebagai *awang batil*, yang akan bercerita sambil memainkan batil atau periuk belanga gangsa yang biasanya digunakan untuk menyimpan air. Tukang cerita juga akan memainkan alat muzik lain seperti violin, serunai, rebana dan gendang terinai.

Sewaktu bercerita, *awang batil* menggunakan dua topeng; iaitu *Hulubalang* dan *Wak Nujum* apabila watak-watak sesuai muncul di dalam cerita untuk menarik perhatian penonton.

Antara cerita-cerita *awang batil* termasuk *Raja Dewa Lok*, *Raja Bersiung*, *Raja Berdarah Putih*, *Anak Lang Pak Belang*, *Jabat Jabit*, *Abu Nawas*, *Cerita Angan-Angan* dan *Awang Ada Duit Semua Jadi*.

Persembahan *awang batil* selalunya dipersembahkan di majlis perkahwinan dan majlis malam yang selalunya berlarutan hingga pagi, dengan beberapa persembahan berterusan sehingga dua atau lima hari. Cerita-cerita lebih panjang sebegini selalunya dipersembahkan apabila *awang batil* diundang khas ke rumah, misalnya selepas musim tuai padi.

(30minit, tiada waktu rehat)

### **Tentang Pak Romli Mahmud**

Pak Romli Mahmud adalah *awang batil* terakhir Perlis. Beliau merupakan waris keturunan tukang cerita *awang batil* yang telah meninggalkan khazanah legasi dan cerita-cerita mereka. Bapa beliau, Mahmud Awang bin Wahid merupakan tukang cerita termasyhur dari Kampung Pokok Sena di Chuping, Perlis. *Batil* yang digunakan

Pak Romli merupakan harta pusaka peninggalan keluarga dan beliau mewakili semangat ayahnya. Hampir kesemua alat muzik yang digunakan telah dibuat sendiri oleh Pak Romli dan keturunan sebelumnya.

### **Tentang PUSAKA**

PUSAKA adalah sebuah pertubuhan kebudayaan yang bermatlamat untuk menjalankan kajian dan mewujudkan arkib menyeluruh tentang seni budaya warisan di Malaysia, serta melestarikan tradisi-tradisi ini di peringkat masyarakat. Melalui penganjuran kegiatan persesembahan dan projek-projek penurunan ilmu bersama adiguru seni warisan budaya, PUSAKA memperkuatkannya dan menggiatkan kembali daya maju seni budaya warisan pada generasi baru. PUSAKA mahu menubuhkan interaksi mendalam dengan aspek sejarah dan idea kontemporari sementara menggarap pencerahan dan memberi konteks pemikiran dalam bidang budaya, tradisi dan idea yang lebih meluas.

**Lenggang Raya**  
oleh Jiwa Geloreez and P7:1SMA  
20 & 21 Mei 2023, Sabtu & Ahad  
6ptg  
Luar Teater Dermaga Singtel di Esplanade



*Lenggang* mempunyai maksud berjalan dengan santai dengan hayunan perlahan. Persembahan tarian Melayu oleh Montfort Care - Goodlife! Bedok menawarkan pembayangan semula tentang kesihatan dan kesejahteraan, menuntut semula pelbagai peringkat kewanitaan dan gerakan fizikal semasa meningkat usia. Menghala menuju fungsi tarian bersama-sama, penonton menggunakan gerakan untuk mencipta maksud bermakna daripada cerita-cerita peribadi dan membina hubungan melalui rasa empati.

Kesejahteraan adalah proses aktif, di mana orang menjadi sedar dan membuat pilihan menuju kewujudan yang lebih bermakna. Berkembang daripada gerakan tari Melayu, *lenggang*, yang bermaksud hayunan tangan yang lembut semasa berjalan, tarian ini menawarkan cara simbolik dan berkesan untuk menjaga satu sama lain.

Artists kolaborasi antara: Hasyimah Harith (P7:1SMA)

Montfort Care Goodlife! Bedok:

Mazni Binte Kaswani

Sazlinah Bte Haron

Amraini Bte Yaakob

Faridah Binte Rahmat

Samia Binte Mahmood

Halimah Bt Awang

Esah Binti Mahmood

Arfah Binte Bujang

Pengurus Projek: Nur Arianty Djonaede

Penulis: Dia Hakim Khaeri

(30minit, tiada waktu rehat)

**Filem: Jangan Tanya, Jangan Canang  
oleh Sharifah Amani (Malaysia)**

Tayangan bermula dari 18 Mei 2023, Khamis, 12ptg  
Video boleh ditonton melalui Pesta Raya Facebook Page dan Esplanade Youtube hingga 4 Jun 2023



Jangan Tanya, Jangan Canang memaparkan pergelutan semasa membesar dalam budaya Asia. Kisah ini mengikuti dua keluarga daripada latar belakang sosial-politikal berbeza yang mendapati bahawa mereka mempunyai lebih persamaan daripada apa yang mereka fikirkan apabila satu rahsia keluarga didedahkan.

Menyentuh tentang perbezaan generasi, budaya dan identiti, filem ini mendedahkan pelbagai percanggahan dalam perasaan dan tingkah laku watak yang menimbulkan rasa takut terhadap penghakiman orang lain. Mungkinkah yang muda, yang senyap dan memerhatikan dari jauh, boleh menyelamatkan keadaan?

Memaparkan Fatimah Abu Bakar, Melisa Saila, Sharifah Aleya, Mia Sabrina, Ali Alasri, Fahad Iman, Sobri Anuar, Fish Fadzil, Danish Hazriq, Aza Ameena dan Asha Ameena.

**Tentang Sharifah Amani**

Sejak awal lagi, Sharifah Amani tahu bahawa beliau ingin berkongsi cerita. Beliau bertuah dapat berjumpa dan bekerja dengan pakar tukang cerita, allahyarhamha Yasmin Ahmad.

Amani juga gembira bahawa beliau dapat berkongsi ceritanya, selain membantu menerapkan kisah orang lain - tiga karyanya merupakan filem pendek yang beliau arah iaitu *Sangkar*, *Kampung Bangsar* dan *Hawa*. Semua tiga filem itu telah ditayangkan di Minggu Filem Malaysia Roppongi di Tokyo, Jepun pada 2015. Filem pendek terbarunya, *5 minit*, ditayangkan di Festival Filem Antarabangsa Singapura 2018.

Beliau bersyukur pada Illahi kerana telah dianugerahkan *Sepet*, *Gubra*, *Muallaf* dan *Pigeon* dengan *Pigeon* sebagai salah satu daripada tiga filem yang dipersembahkan di bawah Asian Three-Fold Mirror 2016 oleh Pusat Asia Yayasan Jepun dan Festival Filem Antarabangsa Tokyo.

Sharifah juga telah terlibat dalam pelbagai panel pengadilan bagi filem pendek antaranya seperti Tropfest, BMW Shorties, Festival Filem Antarabangsa Singapura dan Next New Wave. Beliau mempunyai pelbagai gelaran tetapi apa yang beliau ingin lakukan adalah untuk menyampaikan cerita dengan harapan agar beliau dapat memberi inspirasi kepada orang lain untuk turut bercerita.

**Filem: Kampong  
oleh Yusry Abd Halim (Malaysia)**

Tayangan bermula dari 18 Mei 2023, Khamis, 12ptg  
Video boleh ditonton melalui Pesta Raya Facebook Page dan Esplanade Youtube hingga 4 Jun 2023



Di rumah kampong asli, Tuah sibukkan dirinya dengan menjaga rumah, bermain biola, mendengar muzik dondang sayang di gramafonnya dan menulis surat pada anak lelakinya, Budi, yang beliau tabah menunggu kepulangannya. Menampilkan Aziz M.Osman.

**Tentang Yusry Abd Halim**

Yusry bermula sebagai seorang anggota kumpulan dari Malaysia, KRU, dengan dua abangnya, Norman dan Edry. Pada 1995, KRU tampil dalam filem, *AWAS!*, dan kemudian dalam *Cinta Metropolitan*.

Selain tampil di hit *box office* pada awal milenium, Yusry memegang peranan sebagai pengarah dalam industri filem dan televisyen.

Sejak itu, beliau telah menerbit dan mengarah pelbagai program televisyen untuk stesen televisyen Malaysia serta pelbagai hit *box office* seperti trilogi *Cicakman*, *Hidayat Merong Mahawangsa* dan *Karak*.

**Filem: Awe**  
**oleh Junad M Nor (Malaysia)**

Tayangan bermula dari 18 Mei 2023, Khamis, 12ptg  
Video boleh ditonton melalui Pesta Raya Facebook Page dan Esplanade Youtube hingga 4 Jun 2023



Peringkat akhir pertandingan tahunan dikir barat untuk sekolah-sekolah rendah bakal diadakan dan seorang budak lelaki berusia 12 tahun tahu bahawa nasib sekolahnya bergantung padanya. Namun, apabila sesuatu keadaan semula jadi terhadap, beliau mengalami dilema. Bolehlah beliau mengatasi cabaran ini dan menang dalam pertandingan tersebut?

**Tentang Junad M Nor**

Karya Junad M. Nor mengambil inspirasi daripada kehidupan harian dan pengalaman peribadi, diiringi dengan humor peribadinya. Filem pendek pertama Junad, *Odah*, ditayangkan di Festival Filem Antarabangsa Busan di Korea Selatan. Beliau telah terlibat dalam sitkom Disney,

*Wizards of Warna Walk*, yang dilancarkan pada 2019. Klien untuk karya komersilnya termasuk Netflix, McDonald's dan Biskut Julie's, di mana beliau telah menerbitkan kempen Hari Raya yang disanjung tinggi.